

**PERTIMBANGAN MORAL IBU TUNGGAL
MELAYU DWIPERANAN PASCA
COVID-19 DI LEMBAH KLANG**

MOHAMAD AZARUL A'INOL BIN WAHAB

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERTIMBANGAN MORAL IBU TUNGGAL MELAYU DWIPERANAN PASCA
COVID-19 DI LEMBAH KLANG**

MOHAMAD AZARUL A'INOL BIN WAHAB



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada⁹ (hari bulan)⁹ (bulan) 2025

i. Perakuan pelajar :

Saya, **Mohamad Azarul A'inol Bin Wahab, M20221001899, Fakulti Sains Kemanusiaan** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Pertimbangan Moral Ibu Tunggal Melayu Dwiperanan Pasca COVID-19 Di Lembah Klang** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **Zuraini Binti Jamil @ Osman** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Pertimbangan Moral Ibu Tunggal Melayu Dwiperanan Pasca COVID-19 Di Lembah Klang** (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **Ijazah Sarjana Sastera (Pendidikan Moral)** (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

9/9/2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. ZURAINI BINTI JAMIL @ OSMAN
PENSYARAH KANAN
Jabatan Pengajian Moral
Sivik dan Pembangunan Karakter
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Pertimbangan Moral Ibu Tunggal Melayu Dwiperanan Pasca COVID-19 Di Lembah Klang

No. Matrik / Matric's No.: M20221001899

Saya / I: Mohamad Azarul A'inol Bin Wahab

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Copi Rasmi / Name & Official Stamp)

**Jabatan Pengajian Moral
Sivik dan Pembangunan Karakter
Fakulti Sains Kemanusiaan**

Tarikh : 9/9/2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat dan petanda pihak mana organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia, rahmat dan hidayahNya yang tidak terhingga yang memungkinkan saya menyelesaikan tesis ini. Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Zuraini binti Jamil @ Osman atas bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan tidak berbelah bahagi beliau sepanjang kajian ini dijalankan. Komitmen, kesabaran, buah fikiran dan pandangan bernas beliau banyak membantu saya memahami bidang kajian ini dengan lebih mendalam. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia di atas pemberian Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2022/SS10/UPSI/02/14). Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada Dr. Noor Banu binti Mahadir Naidu dan Profesor Madya Dr. Tan Bee Piang yang telah banyak berkongsi pandangan dan memberikan sokongan sepanjang saya melaksanakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada keluarga saya yang tidak putus-putus memberikan sokongan dalam menyelesaikan pengajian di peringkat sarjana ini. Penghargaan khas ditujukan kepada ayahanda tercinta, Wahab bin Safie atas doa, kasih sayang dan dorongan yang tidak pernah putus sepanjang perjalanan saya menyiapkan kajian ini. Bagi arwah ibunda tercinta, Che Gelombang binti Khamis yang telah menjadi sumber inspirasi terbesar dalam hidup saya untuk terus berjaya. Kasih sayang, pengorbanan dan nasihat beliau sentiasa menjadi dorongan dan kekuatan dalam mengiringi setiap langkah. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan, terutama Qamarina dan Nazmi yang sentiasa memberikan bantuan, idea dan semangat dalam menjalankan kajian ini, hanya Allah S.W.T yang mampu membalas jasa kalian. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua responden yang telah sudi meluangkan masa untuk menyumbang kepada kajian ini. Tanpa kerjasama mereka, kajian ini tidak mungkin dapat disempurnakan. Semoga tesis ini memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dan menjadi rujukan yang berguna bagi penyelidikan akan datang. Terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka pertimbangan moral dalam pengurusan dwiperanan ibu tunggal Melayu pasca COVID-19 di kawasan Lembah Klang. Seramai sembilan orang ibu tunggal Melayu yang bekerja dan mempunyai tanggungan anak dipilih sebagai peserta kajian. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual bersemuka dan dalam talian bagi mengumpulkan data primer. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Model Empat Komponen James Rest digunakan untuk memahami perkembangan psikologi responden dalam membuat keputusan moral dengan menggunakan dilema moral kehidupan sebenar. Tiga skema utama pertimbangan moral dikenal pasti iaitu skema kepentingan diri, pematuhan terhadap norma sosial dan prinsip kemoralan sejagat yang mempengaruhi ibu tunggal Melayu dalam menangani dilema moral pengurusan dwiperanan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu tunggal Melayu mempunyai skema pertimbangan moral yang tersendiri dalam pengurusan dwiperanan mereka. Meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran harian, kesan pasca pandemik COVID-19 menambah kerumitan pengurusan dwiperanan ibu tunggal melalui peningkatan tekanan ekonomi, konflik peranan kerja dan keluarga, gangguan emosi, ketidakseimbangan hubungan interpersonal, stigma sosial serta isu tuntutan nafkah anak. Namun begitu, mereka tetap cenderung membuat keputusan yang selari dengan norma dan peraturan masyarakat. Strategi daya tindak seperti amalan keagamaan dan sokongan sosial dikenal pasti sebagai faktor penyesuaian utama. Implikasi kajian menunjukkan bahawa aspek psikologi perkembangan moral dapat diaplikasikan dalam memahami proses pembuatan keputusan ibu tunggal dalam konteks realiti dwiperanan pasca pandemik.





MORAL JUDGEMENT OF MALAY SINGLE MOTHERS IN MANAGING DUAL ROLES POST COVID-19 IN THE KLANG VALLEY

ABSTRACT

This study aims to explore moral judgement in the dual-role management of Malay single mothers in the post COVID-19 era within the Klang Valley. A total of nine working Malay single mothers with dependent children were selected as participants. The study employed a qualitative approach through both face-to-face and online interviews to collect primary data. The data were analysed using thematic analysis. James Rest's Four Component Model was applied to understand the psychological development of the respondents in making moral decisions based on real-life moral dilemmas. Three main moral judgement schemas were identified: the self-interest schema, adherence to social norms and universal moral principles, all of which influence how Malay single mothers respond to moral dilemmas in managing their dual roles. The findings indicate that Malay single mothers possess distinct moral judgement schemas shaped by their experiences. Although they face various daily challenges, the post-pandemic context has intensified the complexity of dual-role management. These challenges include increased economic pressure, work-family role conflict, emotional distress, strained interpersonal relationships, social stigma and issues related to child support obligations. Nevertheless, the participants tended to make decisions that align with societal norms and rules. Coping strategies such as religious practices and social support were identified as key factors in their adaptation. The implications of this study suggest that the psychological aspect of moral development can be applied to understand the decision-making processes of single mothers within the realities of dual-role management in the post COVID-19 context.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xiv

SENARAI RAJAH xv

SENARAI SINGKATAN xvi

SENARAI LAMPIRAN xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 4

1.3 Pernyataan Masalah 13

1.4 Objektif Kajian 20

1.5 Persoalan Kajian 20

1.6 Kepentingan Kajian 21

1.6.1	Ibu Tunggal	22
1.6.2	Masyarakat	23
1.6.3	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	24
1.7	Batasan Kajian	24
1.7.1	Sampel Kajian	24
1.7.2	Lokasi Kajian	26
1.7.3	Tempoh Masa Kajian	26
1.8	Definisi Operasional	27
1.8.1	Dwiperanan	27
1.8.2	Pertimbangan Moral	28
1.8.3	Kesediaan Pengurusan	28
1.8.4	Struktur Keluarga Ibu Tunggal	29
1.8.5	Konflik Peranan	30
1.9	Organisasi Bab	30
1.10	Rumusan	32

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	33
2.2	Wanita Bekerjaya dan Dwiperanan: Satu Perspektif Global	34
2.3	Struktur Keluarga dan Dwiperanan Ibu Tunggal	38
2.4	Konflik Dwiperanan Ibu Tunggal dalam Pengurusan Keluarga	43
2.5	Pandemik dan Kesannya Kepada Struktur Keluarga Ibu Tunggal di Peringkat Global dan Malaysia	49
2.6	Sokongan Sosial dalam Kalangan Ibu Tunggal	52

2.7	Teori Perkembangan Moral Piaget dan Kohlberg	56
2.8	Pertimbangan Moral dan Model Empat Komponen Rest	62
2.9	Teori Feminis Wanita dalam Membuat Keputusan Berdasarkan Teori Etika Kepedulian	76
2.10	Kerangka Konseptual Kajian	79
2.11	Rumusan	82

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	84
3.2	Paradigma Penyelidikan	85
3.3	Reka Bentuk Kajian Metodologi Kualitatif	86
3.4	Pemilihan Lokasi Kajian	88
3.5	Pemilihan Responden Kajian	90
3.6	Tempoh Kajian	95
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	96
3.8	Penyelidik sebagai <i>Insider</i> dan <i>Outsider</i>	98
3.9	Kajian Rintis	101
3.10	Prosedur Pengumpulan Data	103
3.11	Kaedah Pengumpulan Data Temu Bual	104
3.11.1	Mereka Bentuk Tema dan Soalan Temu Bual	105
3.11.2	Temu Bual Bersemuka	106
3.11.2	Temu Bual Secara Dalam Talian	111
3.11.3	Moral Judgement Interview (MJI)	112
3.12	Kaedah Analisis Data	115
3.12.1	Fasa Pertama: Pengumpulan Data	118

3.12.2 Fasa Kedua: Proses Transkrip	118
3.12.3 Fasa Ketiga: Pengekodaan	119
3.12.4 Fasa Keempat: Mengkategorikan Kod	121
3.12.5 Fasa Kelima: Menentukan Tema	121
3.13 Etika Penyelidikan	122
3.14 Rumusan	124

BAB 4 KESEDIAAN PENGURUSAN DWIPERANAN IBU TUNGGAL MELAYU DALAM KEHIDUPAN BERKELUARGA

4.1 Pengenalan	125
4.2 Cabaran Dwiperanan Ibu Tunggal Melayu dalam Pengurusan Keluarga	126
4.2.1 Tekanan Ekonomi	127
4.2.2 Penerimaan terhadap Dwiperanan	132
4.2.3 Konflik Peranan Kerja-Keluarga	137
4.2.4 Gangguan Emosi	142
4.2.5 Hubungan Interpersonal	145
4.2.6 Tekanan Sosial dan Stigma	149
4.2.7 Tuntutan Nafkah Anak	152
4.3 Strategi Daya Tindak Menghadapi Cabaran Dwiperanan Ibu Tunggal Melayu dalam Pengurusan Keluarga	153
4.3.1 Amalan Keagamaan	153
4.3.2 Penglibatan Aktif dalam Aktiviti Kebajikan	156
4.3.3 Daya Tahan Pemikiran yang Tinggi	158
4.3.4 “Me-Time” untuk Kesejahteraan Emosi	160

4.3.5	Pengurusan Masa dan Penyusunan Jadual	162
4.3.6	Fleksibiliti dalam Waktu Bekerja	164
4.3.7	Simpanan Kewangan Pendidikan Anak-anak	166
4.3.8	Kekal Aktif Beriadah	167
4.4	Rumusan	168

BAB 5 SOKONGAN SOSIAL DALAM PENGURUSAN DWIPERANAN IBU TUNGGAL MELAYU

5.1	Pengenalan	170
5.2	Sumber Sokongan Sosial terhadap Pengurusan Dwiperanan Ibu Tunggal Melayu	171
5.2.1	Sokongan Formal	171
5.2.2	Sokongan Tidak Formal	177
5.3	Pengalaman Ibu Tunggal Melayu dalam Rangkaian Sokongan Sosial	182
5.3.1	Sokongan Instrumental	183
5.3.2	Sokongan Emosi	186
5.3.3	Sokongan Informasi	189
5.3.4	Sokongan Penjagaan Anak	190
5.4	Halangan dalam Mendapatkan Sokongan Sosial bagi Dwiperanan Ibu Tunggal Melayu	191
5.4.1	Kesibukan dan Kekangan Masa	192
5.4.2	Kesukaran Mengakses Maklumat	194
5.5	Kesan Sistem Sokongan Sosial terhadap Dwiperanan Ibu Tunggal Melayu	196
5.5.1	Peningkatan Kesejahteraan Emosi	196
5.5.2	Peningkatan Pengetahuan dan Kemahiran	198

5.6	Rumusan	201
-----	---------	-----

BAB 6 PERTIMBANGAN MORAL BAGI DWIPERANAN IBU TUNGGAL MELAYU DALAM PENGURUSAN KELUARGA

6.1	Pengenalan	204
-----	------------	-----

6.2	Skema yang Mempengaruhi Pertimbangan Moral Ibu Tunggal Melayu Dwiperanan	205
-----	--	-----

6.2.1	Kepentingan Peribadi	206
-------	----------------------	-----

a.	Melindungi Keselamatan Diri	206
----	-----------------------------	-----

b.	Egosentrik	213
----	------------	-----

6.2.2	Mengekalkan Norma	218
-------	-------------------	-----

a.	Peraturan untuk Kehidupan Harmoni	218
----	-----------------------------------	-----

b.	Memahami Peraturan Sosial	224
----	---------------------------	-----

6.2.3	Akur dengan Prinsip Kemoralan Sejagat	230
-------	---------------------------------------	-----

a.	Keputusan yang Memberi Keutamaan kepada Kebajikan Orang Lain	231
----	--	-----

b.	Prinsip Moral Dianalisis	237
----	--------------------------	-----

6.3	Rumusan	244
-----	---------	-----

BAB 7 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

7.1	Pengenalan	246
-----	------------	-----

7.2	Ringkasan Kajian	247
-----	------------------	-----

7.3	Implikasi Kajian	254
-----	------------------	-----

7.3.1	Memperkaya Literatur tentang Pertimbangan Moral dan Pengurusan Dwiperanan Ibu Tunggal dalam Konteks Pengajian Moral	255
-------	---	-----

7.3.2	Kerajaan dan Sektor Swasta	257
-------	----------------------------	-----

7.3.3	Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pihak Komuniti	258
-------	--	-----



7.4	Cadangan Kajian Lanjutan	259
-----	--------------------------	-----

RUJUKAN		261
----------------	--	-----

LAMPIRAN		303
-----------------	--	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Elemen-elemen dalam Model Empat Komponen Rest	63
2.2	Etika Pertimbangan berdasarkan Model Empat Komponen Rest (1999) dan Craig dan Oja (2012)	66
2.3	Tahap-tahap Perkembangan Moral Wanita Gilligan	77
3.1	Profil Responden Kajian	93
3.2	Proses Membuat Transkrip Temu Bual	119
3.3	Pengekodan Transkrip	120
3.4	Mengkategorikan Kod	121
4.1	Anggaran Pendapatan Isi Rumah (RM) Asas Bulanan bagi Responden Kajian	128



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Model Empat Komponen Rest	64
2.2	Meta-Model Holmes, Ethical Decision-Making Model	70
2.3	Skema dan Ciri-ciri Pertimbangan Moral	72
2.4	Kerangka Konseptual Pertimbangan Moral Ibu Tunggal Melayu Dwiperanan Pasca COVID-19 di Lembah Klang	81
3.1	Lokasi Kajian Lembah Klang	90
3.2	Kerangka Model Analisis Data Kualitatif	115
3.3	Penamaan Semula Tema	122
4.1	Responden Kamisah (umur: 39)	139





SENARAI SINGKATAN

AJK	Ahli Jawatankuasa
B40	Bottom 40
DIT	Defining Issue Test
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
HKL	Hospital Kuala Lumpur
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MJI	Moral Judgement Interview
NGO	Non-Governmental Organization
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SSPN	Skim Simpanan Pendidikan Nasional
SUKMA	Sukan Malaysia
WITUS	Persatuan Wanita dan Ibu Tunggal WITUS
YB	Yang Berhormat



SENARAI LAMPIRAN

- A Kesahan Pakar
- B Surat Menjalankan Kajian
- C Borang Penerangan dan Persetujuan Responden Kajian
- D Temu Bual Secara Dalam Talian
- E Keratan Akhbar Dilema Moral
- F Surat Kelulusan Etika Penyelidikan
- G Surat Pelantikan Pakar Penilai Pengesahan Instrumen Kajian
- H Keratan Akhbar Responden



BAB 1

Pengenalan



Dalam mendepani era pasca normal yang penuh dengan ketidakpastian dan cabaran ini, kesiapsiagaan pelbagai lapisan masyarakat harus dipertingkatkan dalam mengharungi era yang getir ini. Ibu tunggal sering dianggap berhadapan dengan cabaran yang besar dalam mengharungi kehidupan berkeluarga apabila terpaksa menggalas tanggungjawab dwiperanan iaitu sebagai pencari nafkah utama keluarga dan menguruskan anak-anak.

Situasi ini menjadi lebih rumit apabila berlakunya pandemik COVID-19 yang memerlukan tempoh penyesuaian dalam mengharungi kehidupan yang berbeza dari sebelumnya. Secara tidak langsung, pandemik COVID-19 memberikan kesan yang ketara kepada golongan memerlukan sokongan yang kuat seperti ibu tunggal. Tekanan yang hebat dihadapi oleh ibu tunggal akibat daripada kesempitan hidup yang





ditanggung sendirian tanpa suami disisi, terutama mereka yang mempunyai tanggungan anak, menetap di kawasan ibu kota dan berpendapatan rendah. Malahan, terdapat ibu tunggal yang menerima gaji kurang daripada RM969.00 sebulan dan tidak bekerja selepas berlakunya pandemik COVID-19 (Aswany, 2023). Masalah-masalah ibu tunggal yang dinyatakan ini sudah pasti mewujudkan satu situasi yang memerlukan pertimbangan moral dilakukan sebaik mungkin dalam meneruskan kehidupan yang serba mencabar ini terutama pasca pandemik COVID-19 ini.

Dalam proses menggalas tanggungjawab dwiperanan ini, ibu tunggal menghadapi pelbagai konflik dan dilema yang memerlukan proses membuat keputusan. Konflik dan dilema yang dihadapi oleh ibu tunggal ini memberikan kesan yang amat ketara kepada aspek ekonomi, emosi dan sosial. Hal ini demikian kerana konflik dan dilema dalam kehidupan harian ini wujud apabila berlakunya perubahan status seperti ibu tunggal yang perlu kembali bekerja untuk menampung kehidupan sekeluarga apabila melalui proses perceraian atau kematian pasangan. Ibu tunggal kebiasaannya perlu mencari huraian sendiri terhadap konflik atau dilema yang dihadapi dan proses penyesuaian ini berlaku selepas selesainya proses perceraian (Liyana, 2022).

Dalam menyelesaikan konflik atau dilema ini, pertimbangan moral merupakan salah satu komponen yang memainkan peranan penting selain daripada sensitiviti moral, motivasi moral dan tindakan moral. Penyelidik memilih untuk mengetengahkan komponen pertimbangan moral untuk disesuaikan dengan dwiperanan ibu tunggal kerana konsep pertimbangan moral itu sendiri bukan penentu kepada keputusan yang dibuat adalah betul atau salah ketika menghadapi sesuai konflik atau dilema, tetapi Rest (1984) berpandangan bahawa pertimbangan moral merupakan proses pilihan terhadap





tindakan moral yang paling sesuai mengikut persepsi diri sendiri mengikut sesuatu isu atau dilema. Dalam membuat pertimbangan moral, beliau juga menyatakan terdapat tiga fasa perkembangan iaitu i) kepentingan peribadi; ii) mengekalkan norma dan iii) akur kepada prinsip kemoralan sejagat atau pos konvensional. Malahan, skema pertimbangan moral yang diperkenalkan oleh Rest ini dianggap sesuai dengan ibu tunggal kerana beliau telah menjalankan kajian terhadap organisasi profesional, berbeza dengan tokoh-tokoh psikologi perkembangan moral sebelum ini yang menggunakan kanak-kanak sebagai sampel kajian.

Berdasarkan kepada tiga fasa perkembangan pertimbangan moral yang dinyatakan, penyelidik melihat kajian mengenai pertimbangan moral dalam kalangan ibu tunggal dapat dijalankan dan diteroka secara lebih mendalam melalui penggunaan dilema moral kehidupan sebenar. Hal demikian kerana kajian-kajian mengenai pertimbangan moral sebelum ini banyak dilakukan dalam kalangan kanak-kanak, bidang perubatan, organisasi profesional dan institusi pendidikan. Model yang diperkenalkan oleh Rest lebih praktikal dalam menerangkan bagaimana individu, membuat keputusan moral dalam kehidupan seharian yang kompleks. Empat komponen utama iaitu sensitiviti moral, pertimbangan moral, motivasi moral dan tindakan moral membolehkan analisis yang lebih menyeluruh terhadap bukan sahaja apa yang difikirkan oleh individu, tetapi juga apa yang dilakukan dalam situasi moral sebenar. Perkara ini dilihat berbeza dengan pendekatan Kohlberg yang lebih terhad kepada aspek pemikiran rasional semata-mata tanpa mengambil kira tindakan atau faktor emosi. Malahan, teori Kohlberg dianggap tidak sesuai digunakan dalam kajian ini kerana teori beliau berorientasikan kaum lelaki untuk penyelesaian konflik kerana sampel yang terdiri daripada kaum lelaki sahaja (Gilligan, 1993).





Jadi, kajian ini dianggap penting untuk dijalankan bagi melihat pertimbangan moral yang dilakukan oleh ibu tunggal yang menggalas tanggungjawab dwiperanan yang sangat mencabar terutama bagi yang berpendapatan rendah dan tinggal di kawasan ibu kota. Tambahan pula, tuntutan dalam memenuhi keperluan keluarga ini yang menyebabkan peranan ibu tunggal berubah atau bertambah sehingga memerlukan bantuan sokongan dari pelbagai pihak dalam membantu mereka mengharungi sesuatu konflik atau dilema. Justeru, kajian mengenai pertimbangan moral dalam kalangan ibu tunggal dwiperanan dan peranan sistem sokongan dalam membantu kesediaan ibu tunggal membuat keputusan wajar dilaksanakan.

1.2 Latar Belakang Kajian



Keluarga boleh ditafsirkan sebagai sebuah unit asas sosial yang membekalkan sumber manusia untuk pembangunan serta menjamin kesinambungan insan sebagai generasi akan datang (Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara, 2014). Menurut Razak et al., (2017), keluarga itu sendiri ditakrifkan sebagai sekumpulan orang yang mempunyai hubungan persaudaraan melalui perkahwinan atau keturunan dan tinggal bersama-sama dalam kehidupan yang dipimpin oleh ketua keluarga dan dianggotai oleh pasangan hidup, anak-anak dan ahli keluarga rapat.

Dalam menghuraikan secara lebih jelas mengenai konsep keluarga, terdapat pembahagian dalam pembentukan struktur keluarga. Pembahagian struktur keluarga ini dibincangkan secara meluas dalam kalangan sarjana sehingga membawa kepada perspektif yang berbeza dalam pembahagian struktur keluarga tersebut. Namun, secara





amnya struktur keluarga terbahagi kepada dua iaitu keluarga asas (*nuclear family*) dan keluarga luas (*extended family*). Keluarga asas dianggotai oleh pasangan suami isteri dan anak-anak yang belum berkahwin manakala bagi keluarga luas pula merujuk kepada dua keluarga asas atau lebih yang tinggal di bawah satu bumbung sama ada bersama atau menggantikan ahli keluarga asas (Abdul Rahman, 2002; Ganesen & Norani, 2017).

Selaras dengan peredaran zaman, berlaku perubahan dalam struktur keluarga ini. Perubahan ketara ini dipengaruhi oleh perubahan lain dalam populasi: perkahwinan yang semakin berkurangan, perkahwinan dalam tempoh yang lebih singkat, perceraian, dan pasangan yang bersekedudukan (Cherlin, 2010). Oleh itu, wujud terma-terma baru dalam struktur keluarga, antaranya adalah keluarga bersekedudukan (*cohabiting families*), keluarga berkahwin sesama jantina (*same-sex married families*), keluarga tiri atau keluarga cantuman (*stepfamilies or blended families*) dan keluarga ibu atau bapa tunggal (*binuclear families*) (Pasley & Petren, 2016).

Keluarga ibu bapa tunggal dikaitkan dengan sama ada kematian pasangan atau perceraian atau dibentuk oleh ibu tunggal yang tidak berpasangan (Jones et al., 2022). Keluarga ibu bapa tunggal adalah satu jenis pilihan dan kepelbagaian unit keluarga dalam masyarakat moden (Golombok, 2014; Golombok et al., 2016). Ibu tunggal memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial di peringkat global. Ibu tunggal didefinisikan sebagai seorang wanita yang mempunyai anak dan menyediakan keperluan isi rumah mengikut kategori yang berikut: i) wanita yang bercerai, balu, atau diabaikan dan menjadi penyumbang utama kepada pendapatan keluarga, ii) wanita dalam status poligami yang menjadi penyumbang utama pendapatan keluarga, iii)





wanita yang berkahwin secara sah tetapi berpisah dengan suami, iv) wanita yang berkahwin secara sah dan menjadi memainkan peranan utama dalam sumber pendapatan keluarga, v) wanita yang tidak berkahwin, bukan dalam *de facto union* (dua orang yang tinggal bersama dan membentuk keluarga tanpa ikatan perkahwinan) dan mempunyai anak dan vi) wanita yang mendapat hak penjagaan anak yang bukannya anak sendiri (Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2007).

Pada tahun 2020, terdapat sekurang-kurangnya 101.3 juta ibu tunggal di peringkat global yang tinggal bersendirian dengan anak-anak mereka dan ibu-ibu tunggal ini tidak mendapat keperluan atau bantuan yang secukupnya daripada pihak pembuat dasar disebabkan kesukaran dalam menjalankan bincian untuk mendapatkan statistik rasmi (Bhatt, 2020). Seiring dengan jumlah ibu tunggal di peringkat global ini, jumlah ibu tunggal di Malaysia juga dicatatkan mengalami penambahan setiap tahun berbanding tahun 2010 (Raiham, 2022). Berdasarkan Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2020 (Banci Malaysia 2020) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merekodkan jumlah ibu tunggal kini adalah seramai 940,735 orang bagi yang yang berstatus balu dan bercerai/berpisah tetap (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Dengan peningkatan jumlah ibu tunggal ini, negeri Selangor mencatatkan peningkatan jumlah ibu tunggal tertinggi pada kadar 125,277 orang (balu dan bercerai/berpisah tetap) (Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, 2020). Tambahan pula, jumlah ibu tunggal ini mengalami peningkatan seramai 44,680 orang selepas pasca pandemik (Mohd Izzatul, 2022).

Pada masa kini, kewujudan ibu tunggal yang memainkan dwiperanan iaitu sebagai ibu dan ketua keluarga pada waktu yang sama memerlukan wanita terpaksa





menggembleng tenaga fizikal dan mental untuk memastikan anak-anak berada dalam keadaan yang baik, terurus dan mendapat kehidupan yang sempurna seperti orang lain. Tambahan pula, kaum wanita pada masa kini memainkan dua peranan, iaitu wanita bukan sahaja suri rumah tetapi juga bekerja untuk menyokong ekonomi keluarga (Daniel, 2021; Salaa, 2015). Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal dalam mengendalikan dwiperanan sebagai ibu dan ketua keluarga yang tidak hanya berfokuskan kepada pengurusan keluarga, malahan melibatkan kestabilan ekonomi keluarga serta perlu memastikan perkembangan tumbesaran anak-anak dari fizikal, pendidikan dan sosial anak-anak berada dalam keadaan yang baik terutama bagi ibu tunggal yang terpaksa menanggung anak-anak yang masih kecil (Berryhill & Durtschi, 2017; Nurul Shafini et al., 2019; Pujar et al., 2018; Ta et al., 2017). Sebagai contohnya, situasi ini dapat dilihat di Korea Selatan apabila ibu tunggal memainkan dwiperanan sebagai pencari nafkah dan pengasuh anak-anak, mendorong kepada kesukaran untuk menjalani kehidupan harian dengan seimbang dari pelbagai aspek (Kim Jung Eun et al., 2018).

Ibu tunggal sering dilabel dengan perkara yang tidak baik dan dipinggirkan oleh masyarakat setempat, malahan setiap gerak-geri mereka juga sering diperhatikan dan dipandang serong. Keluarga ibu tunggal sering menerima stigma yang negatif daripada masyarakat sekeliling (Nurul Shafini et al., 2019). Dalam konteks sebagai pengurus keluarga, ibu tunggal juga perlu menyediakan makanan, mengawasi kerja rumah, membawa anak-anak ke aktiviti selepas sekolah, membaca atau bermain dengan anak-anak (Yusuf et al., 2020). Oleh itu, tanggungjawab dalam menjalankan tugas dan peranan sebagai ibu dan bapa pada masa yang sama menyebabkan tugas dan peranan tersebut tidak dapat dijalankan dengan baik dan sempurna (Thielemans & Mortelmans,





2019). Situasi ini menjadi lebih serius apabila ibu tunggal tersebut mempunyai anak yang ramai dan ditambah pula dengan sumber pendapatan yang rendah terutamanya semasa pandemik COVID-19.

Semenjak pandemik melanda Malaysia, rutin harian dan kerja ibu tunggal berubah secara mendadak kerana mereka terpaksa mengawal aktiviti anak-anak mereka sepenuhnya di rumah (Hasbullah et al., 2021). Pengumuman Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tentang COVID-19 sebagai wabak menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di hampir semua negara dunia bertujuan untuk menghentikan penyebarannya (Ain Umaira et al., 2020). Di Malaysia, PKP 1 bermula pada 18 Mac 2020 (Zahir et al., 2020) dan PKP 2 masih lagi berlangsung dan dilaksanakan secara berperingkat sehingga kini. Pra-pandemik menyebabkan semua pihak perlu melakukan penyesuaian kehidupan dalam norma baharu secara tiba-tiba meninggalkan banyak kesan kepada kehidupan manusia, antaranya adalah institusi kekeluargaan, terutama melibatkan wanita bekerja dan berkeluarga yang perlu bekerja dari rumah (BDR) (Powell, 2020; Trougakos et al., 2020), termasuklah ibu tunggal.

Tidak dapat dinafikan bahawa pandemik COVID-19 telah mengubah kehidupan sesebuah keluarga dan kerjaya. Walaupun benar bahawa semua pekerja dalam pelbagai sektor telah terjejas secara negatif oleh wabak ini, kajian menunjukkan bahawa COVID-19 menghasilkan kehidupan yang lebih teruk kepada penduduk seperti golongan tua, wanita dan miskin (Bertulfo, 2020; Economic Policy Research Institute, 2020). Dalam konteks ibu tunggal, mereka mempunyai perjuangan yang unik semasa berlakunya pandemik kerana berlakunya persimpangan peranan sebagai wanita dan ibu bapa, malahan mengadaptasi pengalaman seorang ibu yang berbeza berbanding





pengalaman seorang ibu dari pasangan suami isteri yang lengkap. Ibu tunggal kebiasaannya mempunyai sumber ekonomi dan emosi yang kurang disebabkan oleh tuntutan untuk membesarkan anak tanpa sokongan ibu bapa bersama (Jarvis et al., 2020; Taylor & Conger, 2017). Tekanan dalam kekurangan sumber ekonomi dan tempat untuk berkongsi emosi meletakkan ibu tunggal pada risiko yang lebih tinggi untuk mengalami tekanan emosi serta gangguan dalam proses membesarkan anak-anak (Taylor & Conger, 2017; Waldfogel et al., 2010).

Rantaian penularan COVID-19 ini bukan sahaja memberi kesan kepada ekonomi, tetapi impak kepada sosial juga sangat serius (Mohd Hisham, 2020). Kemunculan wabak pandemik COVID-19 secara tiba-tiba turut memberi kesan kepada ibu tunggal yang memerlukan kesediaan dalam proses penyesuaian diri secara drastik dan daya tahan untuk menggalas cabaran sedia ada dan baru seperti tanggungjawab kepada anak yang terpaksa menempuh proses pembelajaran dari rumah, peningkatan masalah sosial dan ekonomi serta kehilangan pekerjaan. Hal ini juga menambahkan tekanan untuk menyeimbangkan tanggungjawab dwiperanan antara kerja dan keluarga terutamanya aktiviti yang berkaitan dengan pembelajaran secara atas talian dan risiko kesihatan apabila bekerja di luar rumah (Safarina et al., 2021). Pandemik COVID-19 menyebabkan tiga punca tekanan bagi ibu bekerja yang mempunyai dua peranan iaitu menjaga anak, bekerja dari rumah dan pengurusan rumah tangga (Aulia & Riza, 2021). Bahkan, kajian yang dilakukan oleh Firma Penyelidikan Pasaran dan Perundingan Antarabangsa (IPSOS) menunjukkan bahawa wanita terutama yang berusia 35 tahun dan ke atas serta golongan yang berpendapatan rendah lebih terkesan dan resah sepanjang penularan COVID-19 (Isabelle, 2021).





Ibu tunggal turut dikatakan memerlukan bantuan dari pelbagai aspek kerana kebanyakan mereka gagal mengimbangi masa antara kerja dan peranan keluarga, sehingga berhadapan dengan pelbagai cabaran tentang berkaitan dengan anak-anak sehingga mereka terjerumus ke dalam kancah gejala sosial, kemurungan emosi dan ponteng sekolah. Beberapa kajian membuktikan bahawa remaja mengekspresikan kekecewaan dan kemarahan mereka atau mengatasi tekanan akibat daripada perceraian ibu bapa ini dengan menggunakan dadah, menyertai aktiviti seksual rambang, menghisap rokok, memandu secara melulu dan sebagainya (Pujar et al., 2018; Yusuf et al., 2020). Cabaran-cabaran ini berlaku disebabkan oleh ketidakstabilan yang dihadapi dalam struktur keluarga ibu tunggal (Hoeksema, 2003).

Dengan berlakunya peningkatan jumlah ibu tunggal ini, tahap perkembangan moral anak juga mengalami perubahan dan membawa kepada masalah rumah tangga seperti anak-anak terbiar, terjerumus ke dalam kancah masalah sosial yang tidak sepatutnya (Yafie, 2019). Dalam konteks menghuraikan pengalaman dwiperanan ibu tunggal Melayu dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pekerja dan juga ketua keluarga, perkembangan moral anak-anak juga harus dititikberatkan kerana kanak-kanak dalam keluarga ibu tunggal kebiasaannya mempunyai tingkah laku yang lebih buruk berbanding kanak-kanak yang tinggal dengan kedua-dua ibu bapa (Harkness et al., 2020; Rankin & Kern, 1994; Yafie, 2019). Dalam konteks anak-anak yang dibesarkan oleh seorang ibu tunggal yang terpaksa memikul dwiperanan dalam menjalani kehidupan, pasti akan berlaku sedikit perbezaan dari segi perkembangan moral anak-anak itu sendiri. Menurut Rosiana (2021), kewujudan pekerjaan bagi setiap ibu bapa tanpa sedar telah membuatkan masa untuk bersama dengan anak-anak itu terabai atau kurang untuk memberi perhatian yang lebih kepada anak-anak.





Ibu tunggal yang terpaksa bekerja sehingga waktu malam sudah pastinya akan menyebabkan anak-anak terpaksa berdikari dalam menguruskan aktiviti harian. Dalam konteks ahli keluarga contohnya, pergaduhan antara adik-beradik akan berlaku apabila ibu tidak berada di rumah disebabkan oleh keperluan kerja yang memerlukan ibu berada di luar kawasan rumah. Selepas berlakunya perceraian, konflik pergaduhan dalam kalangan anak-anak dikatakan meningkat (Roth et al., 2014) dan perkara diselesaikan tanpa pemerhatian daripada orang dewasa. Walau bagaimanapun, berlaku perkara sebaliknya bagi sesetengah ibu bapa tunggal bahawa pergaduhan antara adik-beradik kurang berlaku dalam keluarga ibu bapa tunggal disebabkan oleh tanggungjawab tambahan mereka untuk menjaga diri mereka sendiri, lebih mahir dalam kemahiran berorganisasi dan mempunyai pengurusan masa yang baik tanpa banyak bergantung kepada ibu bapa mereka (Maier & McGeorge, 2014; Overlock, 2017).



Perhatian yang sewajarnya diperlukan terhadap sikap ibu tunggal kerana secara purata, anak-anak yang dibesarkan oleh dari salah seorang ibu atau bapa kandung lebih berprestasi rendah dalam banyak dimensi, termasuk pencapaian sekolah, tindakan sosial dan moral daripada anak-anak yang dibesarkan oleh kedua-dua ibu bapa kandung (Berk, 2003; Meier et al., 2016). Ibu tunggal sukar untuk menjaga disiplin anak-anak kerana ketiadaan pasangan iaitu suami yang sering menjadi individu utama dalam mendisiplinkan anak-anak. Para ibu menjadi kesepian dan sukar untuk mengendalikan tanggungjawab menjaga anak, menjawab segala persoalan dan menetapkan rutin untuk anak-anak (Birara, 2021). Jadi, kita dapat lihat disini bahawa dwiperanan ibu tunggal itu sendiri mempengaruhi perkembangan pertimbangan moral ibu tunggal sekali gus memberi kesan kepada perkembangan pertimbangan moral sama ada ke arah yang baik atau sebaliknya.





Apabila aspek dwiperanan ini dilihat sebagai satu perkara yang kompleks dihadapi oleh ibu tunggal sehingga menjurus wujudnya dilema ketika menguruskan tanggungjawab ini, kajian mengenai pertimbangan moral dalam pengurusan dwiperanan ibu tunggal ini perlu dijalankan untuk mengetahui pengalaman ibu tunggal itu sendiri dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab sebagai ibu dan pencari sumber kewangan utama keluarga serta menganalisis bagaimana proses pembuatan keputusan semasa menghadapi dilema moral dalam kehidupan sebenar mereka. Cabaran dwiperanan yang dihadapi oleh ibu tunggal ini telah menimbulkan kebimbangan yang sangat besar kepada penyelidik sama ada mereka yang menggalas tanggungjawab sebagai pencari nafkah dan pengurus keluarga mempunyai sebarang cabaran ketika menghadapi sebarang konflik moral dalam membentuk pertimbangan moral yang matang dan baik. Hal ini kerana ibu tunggal juga dikaitkan dengan kemiskinan kerana ibu tunggal tidak dapat menyediakan sepenuhnya untuk anak berkenaan dengan keperluan asas. Kekurangan keperluan asas boleh mencetuskan gangguan emosi dan perkara ini berkemungkinan besar menjejaskan proses pertimbangan moral ini.

Justeru kajian ini bukan sahaja ingin melihat dwiperanan ibu tunggal Melayu dalam pengurusan keluarga, malahan penyelidik juga berhasrat untuk mengkaji perkembangan pertimbangan moral ibu tunggal yang wujud semasa menjalankan tanggungjawab dwiperanan ini sekali gus mengkaji kesan yang timbul terhadap perkembangan pertimbangan moral disebabkan oleh dwiperanan yang terpaksa dihadapi oleh ibu tunggal itu sendiri. Pertimbangan moral ini menggunakan skema yang telah diperkenalkan oleh Rest kerana skema moral bagi cara seseorang berfikir boleh berubah dan berkembang ikut masa dan juga boleh dipengaruhi oleh keadaan atau





situasi yang dihadapi (Garrigan et al., 2018). Perkara ini amat penting dalam konteks ibu tunggal yang sering berdepan dengan dilema yang melibatkan konflik antara emosi, nilai peribadi dan keperluan anak-anak sehingga membawa kesusahan dalam proses pembuatan keputusan. Model ini membolehkan penyelidik memahami bagaimana ibu tunggal berusaha menyeimbangkan tuntutan kerja, keluarga dan nilai moral mereka dalam membuat keputusan yang kompleks.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada masa kini, peranan dan cabaran yang dihadapi oleh golongan wanita dilihat semakin mencabar, terutama bagi golongan ibu tunggal. Bagi wanita kehilangan suami yang pernah menjadi tempat bergantung menyebabkan golongan ibu tunggal perlu menggalas dwiperanan yang lebih besar dalam pengurusan keluarga (Dunn, 2015; Siti Rafiah & Sakinah, 2013; Zaini, 2014). Malahan, banyak kajian menunjukkan bahawa ibu tunggal mengalami pelbagai masalah terutama dalam aspek kewangan dalam membesarkan anak-anak (Berryhill & Durtschi, 2017; Nurul Shafini et al., 2019; Pujar et al., 2018; Stack & Meredith, 2018; Ta et al., 2017; Taylor & Conger, 2017; Yavorsky & Ruppner, 2022) sehingga membawa kepada kemiskinan. Ibu tunggal lazimnya tidak mendapat nafkah anak yang mencukupi untuk mengekalkan taraf hidup yang biasa dilalui oleh keluarga sebelum perceraian, mengalami masalah akses kepada kemudahan kesihatan, keselamatan di tempat kediaman, pendidikan kanak-kanak dan kestabilan ekonomi (McLanahan & Sandefur, 2009; Siti Marziah, Norehan, et al., 2022a; Taylor & Conger, 2017).





Semenjak penularan pandemik COVID-19 di Malaysia pada awal tahun 2020, cabaran dan masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal ini menjadi lebih berbeza dengan pengalaman mereka yang sebelum ini apabila seseorang ibu tunggal itu menjalankan dwiperanan sebagai ibu dan ketua keluarga terutama ketika pandemik melanda. Bukti menunjukkan bahawa keluarga ibu tunggal juga menghadapi pelbagai kesusahan (sesuatu yang menyebabkan tekanan) yang lebih besar berbanding keluarga yang mempunyai pasangan yang lengkap (Berryhill & Durtschi, 2017; Mohamad Nawawy & Fatmawati, 2020; Nurul Shafini et al., 2019; Pujar et al., 2018; Ta et al., 2017) terutama ibu tunggal merupakan golongan paling terkesan dengan peningkatan kos sara hidup ini terutamanya yang tinggal di ibu kota (Ilhaamie, 2023). Tambahan pula, kumpulan ibu tunggal di Malaysia dikatakan tidak mendapat perhatian dan layanan tidak sama rata terutama ketika pembentukan polisi semasa berlakunya pandemik (Nur Hairani, 2021). Jadi, isu-isu yang dinyatakan oleh penyelidik ini menjadi faktor utama untuk mengenal pasti pengalaman pengurusan dwiperanan ibu tunggal di kawasan bandar utama seperti Lembah Klang selepas berlakunya pandemik COVID-19. Sehingga kini, masih kurang kajian mendalam mengenai pengalaman sebenar tentang kesediaan ibu tunggal Melayu yang berhadapan dengan cabaran dwiperanan dalam menguruskan keluarga selepas pandemik.

Selain itu, golongan ibu tunggal ini juga terpaksa bekerja lebih daripada satu pekerjaan seperti berniaga secara atas talian dan lebih malang lagi, sesetengah ibu tunggal mendapati diri mereka dalam keadaan terdesak dan terpaksa berhenti kerja untuk menjaga anak-anak mereka yang masih kecil (Mohamad Nawawy & Fatmawati, 2020; Siti Marziah, Norehan, et al., 2022a). Situasi ini menimbulkan satu konflik dilema kepada ibu tunggal itu sendiri sehingga terpaksa membuat pertimbangan sama





ada memilih untuk bekerja atau menjaga anak-anak kerana tidak mampu menanggung kos penjagaan anak. Malahan, terdapat juga kes-kes yang menunjukkan bahawa ibu tunggal ini disabitkan dengan kesalahan jenayah seperti mencuri demi membayar hutang dan menyara anak-anak (Adila Sharinni, 2021; Hadi, 2023; Meor Riduwan, 2023).

Di samping itu, keluarga ibu tunggal juga dilihat berisiko tinggi dalam menghadapi masalah kewangan apabila terpaksa menjadi pencari nafkah utama sehingga menyebabkan kesejahteraan psikologi mereka terganggu (Stack & Meredith, 2018). Malahan, ibu tunggal yang mempunyai anak kecil dikategorikan sebagai golongan paling miskin di Malaysia jika dibandingkan dengan isi rumah yang mempunyai ibu bapa yang lengkap (Mulia, 2017). Faktor kesukaran ekonomi dan kekurangan sokongan sosial menyebabkan ibu tunggal mengalami peningkatan tahap tekanan yang berterusan (Rousou et al., 2019). Tambahan pula, ibu tunggal sering dikaitkan dengan pelbagai cabaran dan konflik peranan sehingga memburukkan lagi keadaan keluarga (Sharifah Shahida & Lukman, 2023).

Ketiadaan pasangan pastinya memberi pelbagai cabaran yang lebih dihadapi oleh ibu tunggal dalam mengendalikan dwiperanan sehingga menyebabkan ibu tunggal banyak terjejas dari segi aspek ekonomi dan sosial untuk proses pemulihan atau menyara diri mereka sendiri (Ga Eun & Eui-Jung, 2020; Masten, 2021; Tso et al., 2020; Walsh, 2020; Zaini, 2014). Ibu tunggal dikatakan mengalami kesukaran yang lebih tinggi dalam membesarkan anak-anak berbanding bapa tunggal (Ga Eun & Eui-Jung, 2020; E. S. Hwang, 2007). Anak-anak yang dibesarkan oleh ibu yang mempunyai tekanan yang lebih tinggi berasa kurang difahami oleh ibu mereka dan berkemungkinan





bertindak balas dengan cara yang lebih berbahaya dan agresif (Pinquart, 2017). Ketiadaan pasangan memberi pelbagai cabaran dalam mengendalikan dwiperanan ibu tunggal yang tidak hanya tertumpu kepada pengurusan keluarga, malah perlu memfokuskan memantau tumbesaran anak-anak baik dari segi fizikal dan pendidikan (Suzana et al., 2019; Thielemans & Mortelmans, 2019; Zaini, 2014). Hal ini disokong oleh kajian Paramitha (2018) yang menjelaskan ibu tunggal itu sendiri memiliki peranan yang berganda dalam keluarga dan kewajipan sebagai ibu tunggal. Kepincangan dalam menguruskan dwiperanan ini menyebabkan pembesaran anak-anak menjadi terganggu terutama dalam aspek sosial. Tinjauan kajian terdahulu mendapati anak-anak bagi golongan kelas bawahan yang dibesarkan oleh ibu tunggal banyak terjerumus ke dalam kancah gejala sosial (Pujar et al., 2018; Yusuf et al., 2020).



Bagi membantu ibu tunggal dalam menjalani kehidupan yang serba kekurangan

ini, sistem sokongan sosial dilihat memainkan peranan penting dalam membantu ibu tunggal. Sistem sokongan sosial yang kukuh boleh membantu ibu tunggal untuk menghadapi cabaran hidup dan meningkatkan kesejahteraan mereka (Schiller et al., 2021). Ibu tunggal sering menghadapi masalah kekurangan sokongan sosial. Faktor kurangnya interaksi dengan masyarakat dan keluarga menyebabkan berlakunya kekurangan sokongan sosial. Individu yang gembira kebiasaannya mempunyai hubungan sosial yang luas dan memuaskan (Alif et al., 2019; Schiller et al., 2021). Bagi kebanyakan ibu tunggal, sokongan terutama daripada keluarga dan rakan amat penting memandangkan ibu tunggal tidak mendapat sokongan seperti pasangan suami isteri yang lain (Ontai et al., 2008). Kajian yang dilakukan oleh Zhou dan Taylor (2022) mengenai sokongan sosial kepada ibu tunggal hanya memfokuskan kepada impak kepada kesihatan mental sahaja tanpa mengira kira faktor-faktor yang lain. Walau





bagaimanapun, kesan perbezaan sumber sokongan contohnya daripada keluarga, rakan dan pihak profesional dalam membantu menyelesaikan dwiperanan ibu tunggal masih kurang dikaji dan tidak jelas (Schiller et al., 2021). Walau bagaimanapun, terdapat persoalan mengenai keupayaan sistem sokongan yang disediakan kepada ibu tunggal dwiperanan dalam konteks pasca COVID-19. Adakah bantuan yang disediakan cukup menyeluruh untuk memenuhi keperluan mereka? Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa kajian yang lebih mendalam diperlukan untuk memahami sejauh mana sistem sokongan sosial ini membantu ibu tunggal bersedia membuat keputusan berdasarkan pertimbangan moral dalam menguruskan cabaran hidup selepas pandemik dan apakah jurang yang perlu ditangani untuk meningkatkan kualiti sokongan tersebut.

Jika dilihat dari segi aspek pendidikan anak-anak pula, perubahan dalam proses pembelajaran ketika pandemik menyebabkan kebanyakan ibu bapa terpaksa menyediakan kemudahan gadget untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Gajet dan akses capaian internet yang tidak mencukupi untuk proses pembelajaran anak-anak telah menjadi beban kepada keluarga berpendapatan rendah sehingga menyebabkan keresahan kepada ibu tunggal untuk membeli gadget yang baharu atau mengutamakan sosio-ekonomi keluarga (Norehan & Mahaliza, 2021). Jadi, jelas disini berlaku konflik pertimbangan moral dalam kehidupan ibu tunggal ketika berlakunya pandemik dalam menyediakan keperluan anak-anak. Dalam menghadapi situasi yang tegang ini, penyelidik ingin meneroka pertimbangan moral yang akan dibuat oleh ibu tunggal dalam berhadapan dengan dilema moral yang melibatkan pengurusan dwiperanan ini, terutama ibu tunggal di kawasan bandar pesat.





Sejak sekian lama, kajian mengenai tingkah laku telah menjadi fokus utama oleh ahli akademik mengenai kemampuan seseorang untuk membuat pertimbangan mengenai apa yang dianggap bermoral dan tidak bermoral (Christoph et al., 2020). Dalam kajian mengenai hubungan antara kecekapan pertimbangan moral dan kemahiran berfikir kritis, pertimbangan moral yang kompeten merupakan pertimbangan yang dibuat secara sedar dan berupaya untuk membezakan yang betul daripada yang salah (Kohlberg, 1964; Samanci, 2015). Pertimbangan moral yang dibuat akan menggambarkan perkembangan tahap kognitif seseorang individu apabila melakukan sesuatu tindakan. Kohlberg (1964) mentakrifkan kecekapan pertimbangan moral sebagai keupayaan untuk membuat keputusan dan menilai secara moral, berdasarkan prinsip-prinsip dalaman. Penaakulan moral berkembang dalam enam peringkat struktur pemikiran yang kompleks dikaitkan dengan pertimbangan moral



(Kohlberg, 1964). Namun demikian, dalam pengetahuan penyelidik, tiada kajian lepas juga menunjukkan bahawa pertimbangan moral dikaitkan dengan keputusan yang dibuat oleh ibu tunggal berdasarkan dwiperanan mereka dalam pengurusan keluarga. Penyelidik mendapati bahawa kajian mengenai pertimbangan moral lebih tertumpu kepada bidang pendidikan dan pekerjaan (Lincoln & Holmes, 2008). Dalam bidang pendidikan, pertimbangan moral banyak dijalankan dalam kalangan pelajar sekolah (Panatsa & Malandrakis, 2024; Poppy et al., 2018; Sathish, 2018; You & Bebeau, 2013; Yusoff, 2012) dan mahasiswa universiti (Al-Disi & Rawadieh, 2019; D'Aurizio et al., 2021; Enciso et al., 2023; McCart, 2016; McDonald et al., 2021; Thomas & Dunphy, 2014). Dalam bidang pekerjaan pula, pertimbangan moral ini dijalankan dalam kalangan pentadbir akademik (Nurull Hayati, Mazlina, & Latif, 2020), organisasi





pengurusan (Firdaus et al., 2019; Uzma et al., 2019; Xiong et al., 2023) dan bidang pekerjaan yang lain. Sehubungan dengan itu, berdasarkan pembacaan dan dapatan daripada kajian-kajian lepas, penyelidik mendapati bahawa kajian berdasarkan pertimbangan moral melalui pengalaman dwiperanan juga boleh dijalankan untuk melihat bagaimana proses pertimbangan moral dalam kalangan ibu tunggal dibuat terutama ketika menghadapi dilema moral. Penyelidik menjalankan kajian berkaitan dengan pertimbangan moral kepada golongan ibu tunggal adalah untuk mengenal pasti skema yang mempengaruhi pertimbangan moral ibu tunggal membuat keputusan dalam menghadapi dilema moral ketika menggalas tanggungjawab pengurusan dwiperanan. Penelitian mendalam terhadap proses pertimbangan moral ini dapat memberikan pemahaman yang lebih luas terhadap konteks sosial, emosi dan keperluan ibu tunggal dalam mengimbangi tanggungjawab keluarga dan kerja.



Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan memfokuskan kepada kajian kualitatif yang bertujuan untuk meneroka pengurusan dwiperanan, sistem sokongan yang diterima dan memfokuskan pertimbangan moral ibu tunggal itu sendiri, yang merujuk kepada informan yang terdiri daripada ibu tunggal Melayu yang pastinya mempunyai pengalaman dan permasalahan yang perlu difahami dan diselami. Hal ini kerana kajian terdahulu membuktikan bahawa ibu tunggal ini mengalami masalah dalam aspek ekonomi (Freeman, 2017; Prime et al., 2020; Taylor & Conger, 2017; Yavorsky & Ruppner, 2022), emosi (Siti Marziah, Norehan, et al., 2022a; Siti Marziah, Nor Hazila, & Suzana, 2019; Taylor & Conger, 2017) dan sosial (Taylor & Conger, 2017). Di samping itu, penyelidik juga ingin melihat peranan sokongan sosial daripada pihak-pihak tertentu seperti ahli keluarga dan rakan-rakan terdekat dalam membantu ibu tunggal membuat pertimbangan moral dalam menghadapi dilema dalam menjalankan





tanggungjawab dwiperanan terutama di kawasan bandar. Sokongan sosial yang diberikan oleh ahli keluarga dan rakan-rakan dijangka akan membantu ibu tunggal sebagai pencari nafkah utama keluarga dan pengurus rumah tangga dalam menghadapi konflik atau dilema moral.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Menenal pasti pengalaman kesediaan pengurusan dwiperanan ibu tunggal Melayu dalam pengurusan keluarga dari segi ekonomi, emosi dan sosial pasca COVID-19.
2. Mengkaji sistem sokongan sosial dalam membantu kesediaan pengurusan dwiperanan ibu tunggal Melayu dalam keluarga pasca COVID-19.
3. Mengkaji pertimbangan moral menurut skema James Rest terhadap pengurusan dwiperanan ibu tunggal Melayu dalam pengurusan keluarga pasca COVID-19.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian, beberapa soalan kajian telah dibentuk untuk menjawab lima persoalan kajian tersebut:



1. Bagaimanakah pengalaman pengurusan dwiperanan ibu tunggal Melayu dari aspek ekonomi dalam menangani cabaran keluarga pasca COVID-19?
2. Bagaimanakah pengalaman pengurusan dwiperanan ibu tunggal Melayu dari aspek emosi dalam menangani cabaran keluarga pasca COVID-19?
3. Bagaimanakah pengalaman pengurusan dwiperanan ibu tunggal Melayu dari aspek sosial dalam menangani cabaran keluarga pasca COVID-19?
4. Sejauh manakah sistem sokongan sosial membantu ibu tunggal Melayu dwiperanan dalam pengurusan keluarga pasca COVID-19?
5. Bagaimanakah pertimbangan moral menurut skema James Rest terhadap pengurusan dwiperanan ibu tunggal Melayu dalam pengurusan keluarga pasca COVID-19 berdasarkan ekonomi, emosi dan sosial?
6. Sejauh manakah sistem sokongan sosial membolehkan ibu tunggal membuat keputusan berdasarkan pertimbangan moral dalam pengurusan keluarga pasca COVID-19?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan ini dapat memberikan penambahan dan mengembangkan ilmu dan tentang isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan dwiperanan ibu tunggal Melayu di bandar seperti kawasan Lembah Klang sekali gus melihat kesediaan pengurusan dwiperanan ibu tunggal Melayu ini terhadap perkembangan pertimbangan moral anak-anak. Kajian ini sangat penting kepada semua pihak terutama ibu tunggal, masyarakat dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Penyelidikan ini



juga diharapkan dapat menjadi panduan asas dan membekalkan maklumat-maklumat tentang pengurusan dwiperanan ibu tunggal, pertimbangan moral yang dialami oleh ibu tunggal dan peranan sistem sokongan sosial daripada pihak-pihak tertentu dalam pengurusan dwiperanan ibu tunggal Melayu ini seterusnya membantu penyelidik-penyelidik yang lain untuk meneruskan kajian berkaitan dengan ibu tunggal ini.

1.6.1 Ibu Tunggal

Kajian ini penting dalam membantu ibu tunggal mengenal pasti cabaran-cabaran dalam kehidupan harian kesan daripada pengurusan dwiperanan yang ditanggung tanpa pasangan yang bergelar suami. Tambahan pula, ibu tunggal juga dapat mengetahui bahawa sistem sokongan sosial memainkan peranan penting dalam membantu mereka membuat sesuatu keputusan apabila menghadapi sesuatu dilema. Sistem sokongan sosial ini akan menjadi sumber rujukan utama kepada ibu tunggal dalam membantu mereka menghadapi dilema dalam kehidupan dengan memberikan sokongan atau nasihat yang diperlukan oleh ibu tunggal dalam menggalas dwiperanan.

Apabila ibu tunggal terpaksa memegang tanggungjawab sebagai pengurus keluarga dan pencari sumber ekonomi pada masa yang sama, sudah pasti akan berlaku dilema dalam menggalas dua tanggungjawab ini. Situasi ini akan menyebabkan anak-anak terpaksa berdikari dalam menguruskan semua perkara, sehingga membawa kepada perkembangan yang positif atau sebaliknya semasa proses perkembangan diri. Kajian ini dapat memperlihatkan kesediaan pengurusan dwiperanan ibu tunggal mempengaruhi pertimbangan moral berdasarkan dilema moral kehidupan sebenar





(*real-life moral dilemma*) yang dekat dengan kehidupan harian mereka. Di samping itu, kajian ini juga membantu pelbagai pihak mengetahui ibu tunggal membuat keputusan dalam menghadapi dilema moral mempunyai kaitan dengan kesediaan mereka memikul tanggungjawab dwiperanan yang digalas bagi memastikan kehidupan bekerja tanpa suami tidak menjejaskan kesejahteraan keluarga.

1.6.2 Masyarakat

Kajian ini penting kepada masyarakat supaya mereka memperoleh maklumat tentang cabaran dwiperanan yang terpaksa ditanggung oleh ibu tunggal. Terdapat stigma negatif masyarakat terhadap ibu tunggal yang berpandangan bahawa ibu tunggal akan mengganggu perkahwinan pasangan lain di kawasan setempat. Perkara ini menyebabkan ibu tunggal juga terpaksa menghadkan aktiviti mereka dekat komuniti setempat kerana takut dijadikan bahan bualan walaupun ingin melibatkan diri dalam aktiviti yang positif. Malahan, interaksi dan proses komunikasi ibu tunggal dengan masyarakat juga tidak berjalan dengan begitu baik akibat daripada salah faham dan stigma negatif masyarakat.

Oleh itu, kajian ini diharap dapat memperlihatkan kepada masyarakat mengenai cabaran dwiperanan yang dihadapi oleh ibu tunggal seterusnya dapat membuka mata masyarakat dengan membantu meringankan beban ibu tunggal ini. Tambahan pula, kajian ini juga diharap dapat menyalurkan pengetahuan bahawa stigma negatif yang dilontarkan ibu tunggal akan memberikan tekanan emosi kepada golongan ibu tunggal.





1.6.3 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Kajian ini juga penting kerana dapatan kajian ini akan membantu pihak kerajaan terutama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam membuat dasar dan polisi dalam membantu golongan ibu tunggal yang mengalami peningkatan bagi setiap tahun. Jadi, kajian ini dapat menjadi maklumat utama untuk pihak kementerian itu sendiri dalam merujuk keperluan ibu tunggal dalam menempuh kehidupan membesarkan anak-anak tanpa sokongan daripada pasangan. Misalnya, pihak kementerian dapat merangka dasar-dasar yang bersesuaian dalam membantu meringankan bebanan ibu tunggal terutama dari aspek ekonomi. Dengan kata lain, kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dalam memastikan pihak kementerian peka untuk mengambil inisiatif untuk membantu ibu tunggal tidak kira dari segi aspek



1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian bagi kajian ini dikategorikan kepada tiga kategori iaitu dari aspek sampel kajian, lokasi dan tempoh masa kajian dijalankan.

1.7.1 Sampel Kajian

Dalam bab 1 kajian ini, penyelidik telah menyatakan bahawa peningkatan ibu tunggal di Malaysia meningkat saban tahun. Kes perceraian bagi pasangan Islam pada tahun





2022 direkodkan paling tinggi berbanding dengan kaum-kaum lain di seluruh negara, terutama negeri maju seperti Selangor dan Johor. Malahan, jumlah ibu tunggal yang berstatus balu di Selangor juga merupakan ketiga tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan kepada ibu tunggal Melayu yang tinggal di kawasan Lembah Klang. Secara khususnya, sampel kajian yang dipilih terbatas kepada ibu tunggal Melayu yang dikategorikan sebagai golongan kumpulan berpendapatan rendah atau *Bottom 40%* (B40) yang menetap dan bekerja di kawasan Lembah Klang. Terdapat beberapa kekangan yang menyebabkan penyelidik tidak dapat mengumpul data yang komprehensif termasuk semua golongan ibu termasuk dari kaum Cina, India dan lain-lain kaum termasuklah mengikut semua klasifikasi kelas pendapatan isi rumah yang lain di Lembah Klang. Antara sebab-sebab berikut adalah seperti yang disenaraikan di bawah:



- i. Jumlah sampel kajian yang dipilih tidak dapat boleh digeneralisasikan kerana sampel kajian yang sedikit dalam kajian yang berbentuk kualitatif adalah sudah memadai dan penyelidik memilih untuk menjalankan temu bual. Proses untuk merekrut ramai responden seperti dalam penggunaan soal selidik adalah sedikit mustahil. Malahan, sampel kajian dalam jumlah yang kecil adalah norma dalam penyelidikan kualitatif untuk mencapai pemahaman yang mendalam tentang maklum balas informan. Keupayaan penyelidik untuk memberikan gambaran yang mendalam mengenai isu yang dikaji menjadi semakin berkurangan apabila bilangan responden dalam jumlah yang banyak (Creswell, 2017). Oleh itu, penyelidikan pada masa akan datang boleh menambah bilangan informan untuk mendapatkan





pandangan yang luas dan mendalam daripada ibu tunggal Melayu di kawasan-kawasan lain.

1.7.2 Lokasi Kajian

Kajian ini terbatas kepada daerah yang berada di kawasan Lembah Klang iaitu Gombak, Petaling dan Kuala Lumpur. Lembah Klang ini yang merupakan salah satu kawasan metropolitan yang wujud kesan daripada tiga gabungan negeri iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Dalam kajian ini, penyelidik memilih kawasan Lembah Klang ini adalah kerana statistik kadar perceraian bagi pasangan beragama Islam adalah tertinggi pada tahun 2021 berbanding negeri-negeri lain. Malahan, negeri Selangor mempunyai jumlah ibu tunggal yang berstatus balu ketiga tertinggi berbanding negeri-negeri yang lain. Kajian ini terbatas kepada ibu tunggal Melayu sahaja dan tidak boleh digeneralisasikan secara khusus oleh ibu tunggal bagi kaum-kaum lain.

1.7.3 Tempoh Masa Kajian

Limitasi tempoh pengumpulan data adalah dianggarkan selama empat hingga lima bulan sahaja mengikut tarikh yang dicadangkan. Jadi, penyelidik mendapati terdapat kesukaran sekiranya ingin menjalankan temu bual bersama-sama dengan ibu tunggal Melayu yang memenuhi kriteria kajian di seluruh kawasan Lembah Klang dalam tempoh lima bulan.





1.8 Definisi Operasional

Berdasarkan kajian ini, penyelidik menjelaskan beberapa definisi operasional yang dipilih dan digunakan dalam kajian ini. Antara definisi operasional yang dinyatakan oleh penyelidik terdiri daripada dwiperanan, pertimbangan moral, kesediaan pengurusan, struktur keluarga dan konflik peranan.

1.8.1 Dwiperanan

Dwiperanan yang merujuk kepada wanita ialah apabila seorang wanita yang memenuhi tanggungjawab ibu bapa dan pencari nafkah dalam rumah tangga, kebiasaannya tanpa kehadiran pasangan (Roman, 2017). Dalam konteks keluarga ibu atau bapa tunggal, pengurusan keluarga dan kerja yang digalas seorang diri oleh ibu tunggal untuk memenuhi keperluan ekonomi isi rumah sekali gus memfokuskan kepada perkembangan anak-anak (Daniel, 2021; Lita, 2019). Istilah ini digunakan untuk menggambarkan seorang ibu yang mengambil dua peranan sebagai penjaga utama anak-anaknya dan penyedia tunggal untuk keperluan kewangan keluarga. Sebagai ibu tunggal, mereka berdepan cabaran membesarkan anak seorang diri di samping mengurus tuntutan kerja dan menyara keluarga. Istilah “peranan berganda” menekankan sifat pelbagai bentuk tanggungjawab dan beban tambahan yang mungkin ditanggungnya berbanding ibu tunggal yang mendapat sokongan pasangan.





1.8.2 Pertimbangan Moral

Pertimbangan moral merujuk kepada merumus dan menilai justifikasi moral untuk penyelesaian yang mungkin kepada dilema moral (Rest, 1986). Langkah dalam proses pertimbangan ini memerlukan penaakulan untuk menentukan pilihan yang betul dari segi etika dan kemungkinan akibatnya. Rest menyatakan bahawa pertimbangan moral merupakan salah satu komponen yang mendorong kepada tingkah laku moral (Thomas & Dunphy, 2014). Mengikut kajian ini, penyelidik ingin meneroka pertimbangan moral ibu tunggal Melayu yang menguruskan dwiperanan mereka selepas berlakunya pandemik COVID-19.



1.8.3 Kesediaan Pengurusan



Dalam menerangkan definisi kesediaan, Armenakis et al. (1993) mentakrifkan kesediaan bertindak sebagai pendahulu kognitif terhadap tingkah laku mereka sama ada menentang atau menyokong usaha perubahan. Bagi pengurusan pula merujuk kepada aktiviti melaksanakan sesuatu dengan bantuan orang dan sumber lain (Boddy, 2017). Dalam konteks kajian ini, kesediaan pengurusan melihat kepada kemampuan ibu tunggal untuk merancang, mengurus dan melaksanakan tanggungjawab pengurusan dwiperanan secara efektif meliputi peranan sebagai ibu dan pencari nafkah dengan memanfaatkan sumber yang ada, kemahiran penyelesaian masalah serta sokongan sosial daripada pihak-pihak tertentu bagi menghadapi cabaran dalam menggalas tanggungjawab pengurusan dwiperanan dalam kehidupan berkeluarga dalam konteks pasca COVID-19.



1.8.4 Struktur Keluarga Ibu Tunggal

Struktur keluarga secara amnya dikategorikan kepada dua keluarga iaitu keluarga asas (*nuclear family*) dan keluarga luas (*extended family*). Dalam kajian ini, struktur keluarga yang difokuskan hanya kepada keluarga tirus dan tunggal yang terdiri daripada keluarga ibu tunggal. Keluarga ibu tunggal ini wujud disebabkan oleh perubahan dalam perkahwinan seperti kematian pasangan dan perceraian (Boundless, 2023).

Ibu tunggal didefinisikan sebagai seorang wanita yang mempunyai anak dan menyediakan keperluan isi rumah mengikut kategori yang berikut: i) wanita yang bercerai, balu, atau diabaikan dan menjadi penyumbang utama kepada pendapatan keluarga, ii) wanita dalam status poligami yang menjadi penyumbang utama pendapatan keluarga, iii) wanita yang berkahwin secara sah tetapi berpisah dengan suami, iv) wanita yang berkahwin secara sah dan menjadi memainkan peranan utama dalam sumber pendapatan keluarga, v) wanita yang tidak berkahwin, bukan dalam *de facto union* (dua orang yang tinggal bersama dan membentuk keluarga tanpa ikatan perkahwinan) dan mempunyai anak dan v) wanita yang mendapat hak penjagaan anak yang bukannya anak sendiri (Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2007).

Ibu tunggal di Malaysia dibahagikan kepada mereka yang pasangannya telah meninggal dunia, mereka yang telah bercerai dan wanita tidak berkahwin tetapi mempunyai anak sama ada anak angkat atau anak tidak sah taraf (Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, 2015; Puspa Melati Wan, 2003). Oleh



itu, kajian ini akan memfokuskan kepada ibu tunggal yang kematian pasangan dan bercerai.

1.8.5 Konflik Peranan

Konflik peranan merujuk kepada pengalaman tidak menyenangkan yang dihadapi seseorang apabila tuntutan daripada pelbagai peranan dan status sosial bertembung atau bercanggah (Anand & Vohra, 2020). Dalam konteks kajian ini, kesukaran ibu tunggal dalam memenuhi tuntutan dan tanggungjawab yang bercanggah antara pelbagai peranan yang dipegang seperti peranan sebagai pekerja, ibu dan bapa mewujudkan konflik peranan dalam pengurusan dwiperanan mereka.



1.9 Organisasi Bab

Dalam penulisan kajian ini, penyelidik telah membahagikan penulisan kajian kepada tujuh bab secara keseluruhannya yang menerangkan lebih terperinci mengenai setiap bab. Tesis ini disusun berdasarkan bab-bab yang berikut:

Bab pertama dimulakan dengan pengenalan, seterusnya membincangkan tentang latar belakang. Pada bab ini juga diterangkan secara terperinci mengenai pernyataan masalah, diikuti dengan objektif kajian, persoalan kajian, pembahagian kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional dan organisasi bab yang menjadi fokus utama kepada penyelidik pada permulaan bab ini.





Bab kedua pula membincangkan mengenai kajian literatur yang menekankan kepada tinjauan kajian-kajian lampau dan teori berkaitan untuk dijadikan sebagai dasar penyelidikan. Bab ini bukan sahaja membincangkan ringkasan literatur sahaja, malahan penyelidik juga perlu mengenal pasti keperluan dalam bidang yang dikaji seterusnya membentuk persoalan kajian yang akan membawa kepada penyelidikan.

Bab ketiga membincangkan mengenai metodologi kajian yang digunakan oleh penyelidik. Secara umumnya, dalam kajian ini penyelidik telah memilih pendekatan kajian kualitatif. Jadi, penerangan secara terperinci mengenai reka bentuk kajian, pemilihan lokasi kajian, pemilihan responden kajian, prosedur pengumpulan data, teknik pengumpulan data dan teknik analisis data dihuraikan secara terperinci dalam bab ini.



Bab keempat, kelima dan keenam akan mempersembah dan menjelaskan dapatan kajian. Setelah memperoleh semua data daripada hasil temu bual bersama responden, penyelidik membuat transkrip temu bual kemudian menganalisis transkrip tersebut dengan membuat pengekodan untuk mengeluarkan kata kunci bagi setiap objektif dan persoalan kajian. Dapatan keseluruhan akan dibentangkan dalam bentuk pernyataan supaya hasil kajian dapat dikemukakan. Penyelidik akan membincangkan dan merumuskan dapatan kajian dengan berpandukan objektif kajian yang telah ditetapkan pada awal bab. Segala data yang telah dikumpul dan dianalisis dalam bab akan dibincangkan dan dirumuskan dalam bab ini.

Bab ketujuh dalam tesis ini membincangkan mengenai kesimpulan keseluruhan kajian yang telah dilakukan. Perkara yang dibincangkan di dalam bab ini adalah





ringkasan kajian, implikasi kajian dan cadangan kajian lanjutan bagi penyelidikan yang bakal dijalankan pada masa hadapan kelak.

1.10 Rumusan

Bab ini memberi gambaran secara jelas tentang asas kepada kajian yang melibatkan pengurusan dwiperanan dan pertimbangan moral dalam kalangan ibu tunggal Melayu pasca pandemik COVID-19 sebagai aspek utama yang menjadi teras kepada kajian ini dijalankan. Latar belakang kajian dinyatakan untuk dijadikan sebab utama kajian mengenai pengurusan dwiperanan ibu tunggal Melayu ini dijalankan. Pernyataan masalah pula mengupas tentang senario semasa yang dihadapi oleh ibu tunggal sehingga membawa kepada konflik dilema dalam meneruskan kehidupan harian.

Objektif dan persoalan kajian pula disenaraikan agar fokus utama kajian dapat dijelaskan dan memudahkan penyelidik mengumpul data kajian. Kepentingan kajian membolehkan penyelidik menentukan kelompangan kajian-kajian lepas dengan kajian yang ingin dilakukan oleh penyelidik yang memberi manfaat kepada pihak-pihak terlibat turut dinyatakan di dalam bab ini. Bab ini didahului dengan batasan kajian dan definisi operasional yang turut dijelaskan oleh penyelidik.

